



Selangor negeri kedua selepas Perak

Skuad Bomba Tahfiz diperluas

● Sambutan diterima
memberangsangkan

● Penyertaan lebih
300 pelajar tahfiz

● Pendedahan aspek
keselamatan kebakaran

muka 2



***Langkah tepat cegah
kebakaran*** *muka 3*



***BPWG periksa
136 premis sekitar
Kuala Lumpur*** *muka 4*

***ATB1M penggalak
budaya jaga
kebersihan tandas***

muka 6





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesenjajeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesenjajeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesenjajeraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Sambutan menggalakkan, penyertaan 300 pelajar

Tan Sri Noh Omar beramah mesra dengan pelajar-pelajar sekolah tahfiz sambil diiringi Azmi Osman (dua dari kiri).

Skuad Bomba Tahfiz Negeri Selangor ditubuhkan

SKUAD Bomba Tahfiz Negeri Selangor yang ditubuhkan baru-baru ini menerima sambutan menggalakkan dengan menyaksikan penyertaan lebih 300 pelajar dari 30 sekolah tahfiz di sekitar negeri berkenaan.

Menteri Kesenjajeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, peranan Skuad Bomba Tahfiz amat penting kerana ia berfungsi sebagai ejen untuk menyalurkan maklumat tentang aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Menurut beliau, skuad tersebut akan diberi pendedahan tentang aspek keselamatan kebakaran secara teori dan amali seperti penggunaan alat pengesan api, alat pemadam api, kaedah memadamkan kebakaran serta prosedur menyelamatkan diri ketika kebakaran.

“Kebakaran membabitkan bangunan sekolah tahfiz meningkat setiap tahun dan setakat Mac tahun ini sahaja sebanyak 30 sekolah pondok, madrasah dan tahfiz musnah akibat kebakaran di seluruh negara.

“Pada tahun lalu pula sebanyak 93 kes kebakaran dilaporkan berlaku membabitkan bangunan berkenaan dengan kerugian RM7.4 juta iaitu meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 88 kes dengan kerugian RM7.2 juta,” katanya selepas Majlis Pelancaran Skuad Bomba Tahfiz Negeri Selangor di Masjid Jamiul Hasanat, Batu 10 di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kesenjajeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Haji Mohammad bin Mentek; Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim dan Pengarah JBPM Selangor, Azmi Osman.

Mengulas lanjut, Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang memberitahu, bangunan sekolah tahfiz terdedah kepada risiko kebarakaran kerana kurang pendedahan serta taklimat dan latihan keselamatan kebakaran selain tiada alat keselamatan di-



Tan Sri Noh Omar menyerahkan Sijil Pendaftaran Skuad Bomba Tahfiz kepada wakil sebuah sekolah tahfiz pada majlis pelancaran Skuad Bomba Tahfiz Negeri Selangor di Masjid Jamiul Hasanat, Batu 10 di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini. Turut kelihatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek (dua dari kanan) dan Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim (kanan).

pasang.

“Saya berharap dengan tertubuhnya skuad ini, anak-anak kita di sekolah tahfiz akan diberi ilmu tentang cara-cara pencegahan, memadam api dan menyelamatkan diri ketika kebakaran.

“Sebagai galakan, sebanyak RM5,000 diperuntukkan untuk mana-mana sekolah tahfiz di Selangor yang menubuhkan skuad bomba ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPKT turut merancang untuk menubuhkan skuad bomba di setiap sekolah pendidikan agama di seluruh negara menjelang akhir

tahun ini.

Katanya, sejak skuad itu dilancarkan bagi peringkat zon utara di Perak oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada awal bulan lalu, sebanyak 94 sekolah tahfiz telah berdaftar untuk menubuhkan skuad itu dengan melibatkan 1,115 pelajar.

“Selepas ini, kita akan melancarkan skuad ini di zon timur dan zon selatan pula dan menjelang akhir tahun ini serta kita menyasarkan semua 1,423 institusi pendidikan agama di seluruh negara akan menubuhkan skuad bomba ini,” ujarnya.

Sambut baik inisiatif KPKT

Langkah tepat cegah kebakaran

INISIATIF Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menubuhkan Skuad Bomba Tahfiz di-sambut baik oleh pengurusan sekolah-sekolah tahfiz di Selangor.

Mereka menyifatkan penubuhan skuad itu sebagai satu langkah yang tepat dalam usaha mencegah kebakaran di institusi pendidikan agama berkenaan.

Pengurus Sekolah Tahfiz Maahad Jamiul Hasanat, Ahmad Baihaqi berkata, skuad bomba tahfiz berupaya membantu mencegah kebakaran dan meningkatkan kesedaran tentang penyediaan alat-alat pencegahan serta pemadam kebakaran.

"Semua sedia maklum, sekolah tahfiz atau pondok berisiko tinggi untuk terbakar kerana kebanyakannya diperbuat daripada kayu, kedudukan bangunan yang rapat malah masih ada yang menggunakan lilin.

"Skuad ini akan mewujudkan budaya pencegahan dan keselamatan kebakaran dalam kalangan pelajar sekolah tahfiz seterusnya mengelakkan berlakunya kebakaran atau kehilangan nyawa," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Skuad Bomba Tahfiz Negeri Selangor di Masjid Jamiul Hasanat, Batu 10 di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

Sementara itu, guru Maahad Tahfiz



AHMAD BAIHAQI



MOHD. ATTA THOYIBAH ARULDIN



MUHAMMAD ALHADI

Al-Hidayah Wal Ehsan, Kapar, Muhammad Alhadi memberitahu, Skuad Bomba Tahfiz membantu mereka memahami kaedah penyeliaan keselamatan kebakaran seperti mengamalkan susun atur barang dengan betul.

"Selain memberi latihan khusus kepada peserta Skuad Bomba Tahfiz, anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan turun ke sekolah tahfiz terlibat secara berkala untuk memastikan langkah keselamatan dan pencegahan diambil.

"Sekolah-sekolah tahfiz turut diberi pendedahan tentang susun atur yang betul contohnya dapur sepatutnya diletakkan di bangunan berasingan," ujarnya.

Dalam pada itu, anggota Skuad Bomba Tahfiz Maahad Jamiul Hasanat, Mohd. Atta Thoyibah Aruldin, 17, menyuarakan rasa bangga kerana terpilih untuk menyertai skuad itu.

"Kami diberi latihan kebom-baan dan penyelamatan secara teori dan amali serta telah bersedia untuk bertindak sebagai kumpulan pertama memadam kebakaran di peringkat awal di sekolah masing-masing.

"Kami juga telah diajar tentang tatacara pelepasan diri atau pengungsian bangunan semasa kecemasan atau kebakaran sekali gus dapat mengelak berlakunya insiden kehilangan nyawa," jelasnya.



Skuad Bomba Tahfiz Maahad Jamiul Hasanat melakukan demonstrasi memadamkan kebakaran pada Majlis Pelancaran Skuad Bomba Tahfiz Negeri Selangor di Masjid Jamiul Hasanat, Batu 10 di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.



Taklimat tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh anggota bomba dan penyelamat.



Tan Sri Noh Omar, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Datuk Haji Mohamad bin Mentek mengacau bubur lambuk yang bakal diagihkan kepada warga KPKT.



Tan Sri Noh Omar mengagihkan bubur lambuk kepada warga KPKT bersama Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Datuk Haji Mohamad bin Mentek pada majlis anjuran KESKEP di lobi bangunan KPKT, Putrajaya pada 31 Mei lalu.

Agih 1,800 bekas bubur lambuk kepada warga KPKT

SEBANYAK 1,800 bekas bumbur lambuk diagihkan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar kepada warga kementerian pada 31 Mei lalu.

Program agihan bubur lambuk itu diadakan di lobi bang-

nan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya mulai pukul 1 hingga 2 petang.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tem-

patan, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Aktiviti sempena bulan Ramadhan itu dianjurkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP).



Premis pajak gadai.



Premis Pemberi Pinjam Wang.



Pemeriksaan dokumen.

BPWG periksa 136 premis sekitar Kuala Lumpur

SEBANYAK 136 premis pemegang lesen Pemberi Pinjaman Wang (PPW) dan 13 premis Pemegang Pajak Gadai (PPG) di sekitar Kuala Lumpur telah diperiksa oleh Cawangan Siasatan dan Pemantauan, Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam operasi yang dijalankan mulai 17 hingga 19 Mei lalu.

Operasi tersebut merupakan yang kelima tahun ini dan ia dijalankan secara berkala selaras dengan peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan 2011) atau Akta 400 serta Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 atau Akta 81. Tujuan operasi pemantauan tersebut adalah bagi memastikan setiap pemegang lesen menjalankan perniagaan masing-masing dengan mematuhi semua peruntukan dan peraturan kedua-dua akta tersebut serta mengambil tin-

dakan ke atas pelesen yang didapati melakukan kesalahan. Di samping bertujuan untuk penguatkuasaan, pemantauan ke atas pelesen juga adalah bagi mewujudkan hubungan baik antara pelesen dan KPKT serta memberi peluang kepada mereka untuk mendapat penerangan terus daripada pegawai penguat kuasa. Operasi ini juga bertujuan untuk mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kementerian bagi tahun ini

iaitu memeriksa sebanyak 1,000 premis PPW dan 200 PPG. Malah, KPKT menerusi Cawangan Siasatan dan Pemantauan, BPWG akan menjalankan operasi pemantauan secara berterusan terhadap premis PPW dan PPG bagi memastikan pemain industri menjalankan perniagaan mengikut peraturan. Langkah tersebut juga adalah bagi menjamin masyarakat mendapat manfaat dan tidak dianiaya.



Premis disyaki tidak beroperasi di alamat berdaftar.



Premis tutup.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Adakah kerajaan akan memberi keutamaan kepada anggota-anggota tentera dan polis bagi permohonan rumah mampu milik?

✓ Kementerian secara dasarnya bersetuju dengan cadangan yang dibangkitkan bagi mengutamakan pemilik rumah dalam kalangan wira-wira yang berkhidmat dengan badan beruniform termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM).

✓ Di bawah program satu juta rumah mampu milik, penyediaan rumah mampu milik yang dikhususkan bagi penjawat awam termasuk badan beruniform seperti ATM dan PDRM sedang diusahakan di bawah projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang menyasarkan pembinaan sejumlah 200,000 unit.

✓ Selain itu, sejumlah 4,346 unit rumah mampu milik dibangunkan khusus untuk warga ATM oleh Kementerian Pertahanan sendiri. Anggota ATM dan PDRM turut dialu-alukan mendaftar bagi pemilihan

MENTERI JAWAB

rumah mampu milik yang dibangunkan agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip) dan sebagainya.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

2 Adakah kos penyelenggaraan akan dimasukkan dalam sewa bulanan serta dinaikkan kadar sewaan Program Perumahan Rakyat (PPR)?

✓ Kerajaan sememangnya sedang mengkaji cadangan kadar sewaan baharu PPR seperti yang dicadangkan kerana kita lihat sewa RM124 sebulan sudah kurang bersesuaian.

✓ Semua cadangan ini kita telah terima dan kita sedang kaji sebelum kita hendak laksanakan ini kerana ia melibatkan pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Kita akan

mengadakan satu mesyuarat khas perbincangan mengenai cadangan-cadangan yang baharu ini.

✓ Kerajaan juga sedar bahawa kos pengurusan dan juga penyelenggaraan PPR turut meningkat. Justeru itu, KPKT sedang meneliti cadangan untuk memperkenalkan kadar sewa PPR ini dimasukkan sebagai kos cukai pintu.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

3 Adakah 10,000 unit rumah untuk kelompok golongan berpendapatan pertengahan (M40) di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur akan dikembangkan ke negeri-negeri dengan menyasarkan kelompok golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) terutamanya di Sabah dan Sarawak?

✓ Selain daripada PPR, kementerian juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi membantu rakyat memiliki rumah sendiri, terutamanya golongan B40 khususnya program Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim Pembayaran Deposit Rumah Pertama (MyDeposit).

✓ Inisiatif pembinaan 10,000 unit rumah di Kuala Lumpur untuk golongan M40 dibiayai sepenuhnya oleh pemaju perumahan swasta.

✓ Sekiranya pemaju perumahan swasta bercadang untuk melebarkan inisiatif ini ke negeri-negeri lain, terutamanya di Sabah dan Sarawak, kerajaan amat berbesar hati serta berharap agar kerajaan-kerajaan negeri dapat bekerjasama dengan menyediakan tanah dan lokasi yang sesuai untuk pembinaan projek-projek tersebut.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017





Tandas Masjid Cina di Melaka meraih Anugerah Perak bagi kategori Rumah Ibadat.

ATB1M

- **Kategori 1**
Sekolah Rendah
- **Kategori 2**
Sekolah Menengah
- **Kategori 3**
Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta
- **Kategori 4**
Hentian Pengangkutan Awam
- **Kategori 5**
Stesen Minyak
- **Kategori 6**
Pusat Beli-Belah
- **Kategori 7**
Restoran
- **Kategori 8**
Kawasan Pelancongan
- **Kategori 9**
Rumah Ibadat
- **Kategori 10**
Pejabat Kerajaan
- **Kategori 11**
Tandas Awam Milik Pihak Berkuasa Tempatan (Daerah)
- **Kategori 12**
Tandas Awam Milik Pihak Berkuasa Tempatan (Bandaraya / Perbandaran)

ATB1M penggalak budaya jaga kebersihan tandas

ANUGERAH Tandas Bersih 1Malaysia (ATB1M) merupakan inisiatif Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diperkenalkan pada 2010 sempena Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan yang diraikan setiap tahun.

Objektif utama pertandingan ini adalah untuk mempromosikan budaya tandas bersih dan ceria kepada masyarakat umum di Malaysia.

Perkara ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengubah persepsi masyarakat dan pelancong asing terhadap imej tandas awam di Malaysia yang seringkali menerima tanggapan negatif dan kurang menyenangkan.

Tandas yang kotor juga boleh menjadi punca penularan penyakit berjangkit yang berbahaya seperti taun dan demam kepialu.

Sambutan diadakan untuk menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan institusi kerajaan dan swasta. Pertandingan ini juga menjadi pemangkin kepada kempen besar-besaran oleh kerajaan untuk meningkatkan kebersihan tandas-tandas awam di negara ini.

Semasa pertandingan diadakan buat pertama kali, hanya lima kategori diperkenalkan namun seterusnya meningkat kepada 10 kategori (2011-2012), 11 kategori (2013) dan 12 kategori (2014-2016). Kategori terbaharu yang diperkenalkan adalah kategori tandas stesen minyak.

Pertandingan ini melibatkan penyer-taan sukarela dalam kalangan organisasi

yang berminat. Borang pertandingan dan maklumat tandas yang menyertai pertandingan dihantar secara terus kepada urus setia pertandingan atau melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

Semua permohonan diasingkan mengikut kategori dan disenarai pendek berdasarkan kepatuhan kepada syarat-syarat pertandingan. Kemudian, ahli panel akan membuat lawatan ke premis-premis yang layak memasuki pusingan akhir. Setelah selesai lawatan, satu jawatankuasa akan membuat pemilihan pemenang yang dilakukan secara teliti dan adil.

Pertandingan ini dilihat mampu mempromosikan kepentingan tandas awam yang bersih kepada semua agensi kerajaan, swasta dan orang awam. Ini terbukti dengan bilangan penyertaan yang meningkat saban tahun dan pertambahan kategori daripada lima kepada 12 kategori. Bilangan kategori ini merangkumi hampir keseluruhan kategori tandas awam yang terdapat di negara ini.

Secara keseluruhan, ATB1M telah berjaya membuka mata dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan tandas yang bersih terutamanya tandas awam. Melalui pertandingan ini, kerajaan menerusi KPKT dapat mempromosikan penggunaan tandas awam yang bersih dan mendidik orang awam secara berterusan mengenai kepentingan tandas awam dan kaedah penggunaan serta menjadi satu komponen yang boleh dibanggakan dan diterima dengan positif dalam kalangan masyarakat di dalam dan luar negara.

Tandas Restoran Four Seasons di Kota Bharu, Kelantan meraih Anugerah Emas bagi kategori Restoran.



Tandas Awam Pasar Borong Kemunting, Pahang merangkumi Anugerah Perak bagi kategori Tandas Awam Milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

BICARA MENTERI

Elakkan terjebak berhutang dengan 'ah long'

ALHAMDULILLAH, sudah lebih seminggu umat Islam di seluruh dunia menunaikan ibadah puasa. Sepanjang bulan Ramadhan ini, jadual program saya bersama rakyat berjalan seperti biasa malah mungkin bertambah kerana bulan yang mulia ini turut memberi kita semua peluang untuk membuat amal sambil menjalankan tugas.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan rasa besar hati kerana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah merealisasikan hasrat saya untuk menubuhkan Skuad Bomba di sekolah-sekolah tahfiz.

Pada 29 Mei yang lalu, saya telah merasmikan Skuad Bomba Tahfiz peringkat negeri Selangor yang melibatkan 30 buah sekolah tahfiz di Selangor dan insya-Allah, penubuhan skuad sebegini akan diperluaskan ke seluruh Malaysia secara berperingkat.

Menurut rekod kes oleh JBPM dari awal tahun hingga Mac, terdapat hampir 30 kes kebakaran yang dilaporkan berlaku di sekolah-sekolah tahfiz dan saya harap penubuhan Skuad Bomba ini akan dapat melatih pelajar-pelajar sekolah tahfiz untuk mencegah, mengurangkan dan juga mengawal insiden kebakaran di premis mereka.

Tidak lama lagi, ramai di antara

» *Namun, saya ingin memberi peringatan agar rakyat Malaysia terutamanya mereka yang tinggal di bandar agar berbelanja secara berhemah dan mengikut kemampuan masing-masing supaya tidak dibebani tanggungan hutang.*

rakyat Malaysia yang akan sibuk membuat persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sememangnya sambutan sebegini akan dibuat secara meriah dan melibatkan perbelanjaan yang besar.

Namun, saya ingin memberi peringatan agar rakyat Malaysia terutamanya mereka yang tinggal di bandar agar berbelanja secara berhemah dan mengikut kemampuan masing-masing supaya tidak dibebani tanggungan hutang.

Adalah menyedihkan apabila saya lihat pelbagai laporan media bahawa ramai dalam kalangan rakyat Malaysia

yang terjebak meminjam daripada pemberi pinjam wang yang tidak berlesen atau lebih dikenali dengan panggilan 'ah long'.

Justeru, saya ingin berkongsi sedikit maklumat tentang Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) di Kementerian saya yang bertanggungjawab untuk mentadbir aktiviti pengawalseliaan Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai mengikut peruntukan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan juga peraturan berkaitan.

Mengikut rekod Kementerian, sehingga 31 Mac 2017, terdapat 3,615 lesen dikeluarkan kepada pemberi pinjam wang dan sebanyak 486 lesen diberikan kepada pemegang pajak gadai di seluruh Malaysia. Pemegang-pemegang lesen ini layak di sisi undang-undang untuk memberi pinjaman secara sah dengan caj maksimum yang ditentukan oleh akta berkaitan.

Bagi pemegang pajak gadai berlesen kadar faedah adalah sebanyak 2% sebulan manakala kadar maksimum faedah bagi pemberi pinjam wang pula adalah sebanyak 12% setahun bagi pinjaman bercagar dan 18% setahun bagi pinjaman yang tidak bercagar.

Saya nasihatkan kepada rakyat

Malaysia untuk meminjam daripada pemegang lesen yang sah sahaja kerana hak-hak mereka sebagai peminjam turut dilindungi oleh akta berkaitan.

Sebagai contoh, proses pinjaman daripada pemberi pinjam wang yang berlesen adalah telus dan memastikan hak-hak pemberi pinjam wang dan juga peminjam sendiri adalah dilindungi. Lebih maklumat boleh didapati melalui laman sesawang www.kpkt.gov.my.

Gejala 'ah long' ini harus dibendung kerana ia bukan sahaja menganiayai peminjam yang terdesak tetapi turut mencemar nama baik pemberi pinjam wang dan pajak gadai berlesen di negara ini. Saya menyeru kepada rakyat Malaysia agar bersama-sama membanteras aktiviti 'ah long' dengan membuat transaksi hanya melalui pemberi pinjam wang dan pajak gadai yang mempunyai lesen yang sah.

Yang lebih elok lagi adalah jika kita bersama-sama berbelanja secara berhemah dan mengikut kemampuan agar tidak memerlukan pinjaman yang membebankan. Bak kata pepatah: "ingat sebelum kena, jimat sebelum habis, cermat semasa banyak dan jimat semasa sedikit."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Bazar Ramadhan

Tan Sri Noh Omar mengagihkan bubur lambuk di Bazar Ramadhan Taman Keramat AU5C di Kuala Lumpur pada 1 Jun lalu.



Rai guru

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar merasmikan Sambutan Hari Guru 2017 Peringkat Negeri Selangor di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada 25 Mei lalu.



Ramah mesra

Sesi perjumpaan dan ramah mesra Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek bersama pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai (BPWG) pada 26 Mei lalu.



Bubur lambuk

Tan Sri Noh Omar, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek bergambar dengan ahli-ahli Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) yang terlibat dalam penyediaan bubur lambuk untuk diagihkan kepada warga KPKT pada 31 Mei lalu.



Ihya Ramadhan

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique menyampaikan sumbangan pengimaran masjid dan surau pada Majlis Sentuhan Kasih Ihya Ramadhan Program Parlimen Tenggara Tahun 2017 / 1438H pada 26 Mei lalu.



Bersama KSU

Datuk Haji Mohammad bin Mentek bersama pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomati (PTD) yang baru bertugas di KPKT dalam satu perjumpaan pada 29 Mei lalu.



Elak pembaziran

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Perlis menganjurkan kempen 'Value Food No Waste' dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) serta Majlis Perbandaran Kangar di Bazar Ramadhan RPA 2, Mata Ayer, Kangar, Perlis pada 30 Mei lalu.



Turun padang

Tan Sri Noh Omar melihat tanaman yang diusahakan penduduk semasa beliau melawat Pangsapuri Taman Keramat AU2 di Kuala Lumpur pada 1 Jun lalu.



Kenaikan pangkat

Datuk Haji Mohammad bin Mentek memberi taklimat dalam majlis penyampaian surat ucapan tahniah dan penyerahan kenaikan pangkat serta pemangku jawatan di KPKT, Putrajaya pada 1 Jun lalu.

Penduduk PPR Raya Permai berganding bahu mengusahakan projek Taman Herba dan Kebun Komuniti.



Dihiasi Taman Herba, Kebun Komuniti

Persekitaran hijau PPR Raya Permai

PROJEK Taman Herba dan Kebun Komuniti yang diusahakan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai di Sungai Besi, Kuala Lumpur telah mengubah kawasan berkenaan menjadi persekitaran hijau yang damai.

Dua projek di bawah program Agenda Tempatan 21 (LA21) Sungai Midah itu dilaksanakan melalui kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Universiti Putra Malaysia (UPM), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan penduduk sejak empat tahun lalu.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Raya Permai, Mohammad Nasir Abdul Wahid, 53, menganggap projek Taman Herba dan Kebun Komuniti sebagai hadiah paling bermakna buat mereka.

"Inisiatif ini berjaya meningkatkan ekonomi dan taraf hidup masyarakat bandar. Hasil daripada tanaman tersebut dapat dinikmati apabila produk mereka berjaya dipasarkan dan dijual kepada pihak lain.

"Selain itu, penglibatan komuniti dalam pembangunan Taman Herba itu juga telah membuka perspektif baharu dalam merealisasikan impian mewujudkan bandar hijau di Kuala Lumpur," katanya.

Mohammad Nasir berkata, terdapat lebih 70 spesies herba ditanam di kawasan seluas 1.2 hektar itu antaranya jarum tujuh bilah, semambu, putat, tenggek burung, kaduk, lemuning, sirih, tongkat ali, misai kucing dan serai wangi.

"Amalan bumi hijau ini dilakukan se-

tiap hari pada waktu pagi dan petang. Jika ada penduduk yang berminat dan ingin menceburi bidang ini, kita akan ajar mereka teknik-teknik yang betul supaya tanaman tidak rosak dan hidup subur," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Raya Permai, Norazizan Mohamed, 41, berkata, selain mendorong kepada pembentukan minda yang cerdas melalui bercucuk tanam, dua projek tersebut berjaya memupuk semangat kerjasama dalam kalangan penduduk.

"Aktiviti tersebut bukan sahaja dapat mengeratkan wasilah kekeluargaan yang kian renggang dek arus kemodenan bahkan juga mendatangkan manfaat dari segi fizikal.

"Saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana membina perumahan yang selesa didiami serta membangunkan projek Taman Herba dan Kebun Komuniti yang dapat memberi manfaat kepada semua," jelasnya.

Menurutnya, program itu turut menjimatkan perbelanjaan keluarga memandangkan mereka tidak perlu mengeluarkan wang untuk membeli sayur-sayuran di pasar.

"Tak perlu bersusah-payah ke pasar. Mereka boleh ambil pelbagai jenis tanaman di Kebun Komuniti itu antaranya lobak, cili, bayam, daun bawang, kangkung dan tomato.

"Usaha ini sekali gus berupaya mengurangkan kos sara hidup masyarakat di kota," katanya.

INFO

**PPR RAYA PERMAI,
SUNGAI BESI**

Dibina
1999
Didiami
2003

1,360
unit
4 blok **17** tingkat
3,000
penduduk

Kemudahan:
**Taman Herba,
Kebun Komuniti,
gelanggang futsal,
surau, taman
permainan kanak-
kanak**



Gelanggang futsal merupakan antara kemudahan yang disediakan kerajaan.



Lebih 70
spesies herba
ditanam di
Taman Herba.

PPR Raya Permai
menempatkan
kira-kira 3,000
penghuni sejak
mula didiami
pada 2003.



APA KATA PENDUDUK?



"PROJEK Taman Herba turut mendapat pujian daripada Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di mana beliau menyifatkan usaha tersebut wajar diikuti penduduk di PPR yang lain."

SAPIAH DARANI, 61
Penduduk

"PERBEZAAN kaum tidak menghalang kita mengamalkan sikap sederhana dan perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain sepanjang menduduki PPR. Semoga ini dapat memperkukuhkan lagi hubungan kaum yang sedia terjalin di negara kita."

YONG MUNG SENG, 62
Penduduk

"SAYA amat bersyukur kerana menjadi salah seorang daripada penduduk di sini yang bukan sahaja dapat menikmati perumahan bertingkat ini malah bertanggungjawab dalam menjaga Kebun Komuniti dan Taman Herba yang dapat memberi manfaat kepada semua."

MAHROS RAHMAT, 52
Penduduk

"KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggunakan pendekatan mesra orang muda dalam membangunkan kawasan perumahan ini sekali gus membolehkan saya dan rakan-rakan menggunakan pelbagai kemudahan sukan yang disediakan."

A. ASHWIN RAJ, 16
Penduduk



Kaji kaedah rawat sisa pepejal di Korea Selatan

JABATAN Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah mengadakan lawatan kerja ke Korea Selatan dari 22 hingga 25 Mei lalu untuk meneliti serta memahami kaedah sistem rawatan sisa pepejal di negara tersebut terutama dari segi penggunaan teknologi 'waste to energy'.

Lawatan itu juga bertujuan untuk memahami kaedah pengurusan sisa pepejal sebelum melaksanakan proses rawatan serta pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal yang telah ditutup dengan selamat.

Antara lokasi yang dikunjungi di Korea Selatan adalah Pejabat Hyundai Engineering Co. Ltd dan Loji Insinerator Pyeongchong.

Secara keseluruhan, lawatan tersebut memberi banyak faedah kepada JPSPN dalam melihat serta memahami kaedah rawatan yang digunakan di Korea Selatan.

Selain itu, lawatan tersebut juga telah memberi maklumat berkenaan kaedah 'waste to energy' yang juga dapat menghasilkan tenaga elektrik serta mampu mengurangkan kos rawatan dengan menjana tenaga boleh diperbaharui.

Berdasarkan lawatan tersebut, JPSPN mendapati kaedah rawatan yang digunakan di Korea Selatan adalah berdasarkan kepada jenis sisa melalui penggunaan teknologi 'anaerobic digester' bagi merawat sisa makanan.

Selain itu, rakyat Korea Selatan juga mengamalkan pengasingan sisa di punca bagi memudahkan rawatan sisa pepejal.

Secara relatifnya, kos operasi dan pengurusan bagi loji 'waste to energy' adalah agak tinggi dan disyorkan agar kerajaan mengintegrasikan kaedah itu dengan kaedah rawatan sisa yang lain bagi mengurangkan kos jangka panjang.



Bottom ash yang telah melalui proses rotary kiln



Rajah alir proses bagi Mapo Resources Recovery Plant yang menggunakan teknologi stoker dan rotary kiln.

15,000 tan sisa makanan dibuang setiap hari

SEBANYAK 15,000 tan sisa makanan atau bersamaan 40 peratus daripada keseluruhan sisa pepejal yang dibuang oleh rakyat Malaysia direkodkan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) setiap hari.

Berdasarkan kajian SWCorp, jumlah itu boleh menampung keperluan makanan bagi 11 juta orang untuk tiga kali hidangan sehari.

Kira-kira 3,000 tan atau 20 peratus sisa makanan yang direkodkan itu adalah daripada jenis makanan yang boleh dielakkan daripada dibuang seperti nasi, roti dan susu.

Manakala, bakinya sebanyak 80 peratus adalah jenis makanan tidak boleh dielakkan daripada dibuang seperti tulang, sisa buah-buahan dan sayuran.

Berdasarkan kajian itu, sisa pepejal daripada bahan makanan akan meningkat sebanyak 15 hingga 20 peratus pada sambutan bulan perayaan seperti Ramadan, Tahun Baharu Cina dan cuti sekolah.

Sehubungan itu, sempena bulan Ramadan ini, orang ramai dinasihatkan untuk membuat perancangan kewangan seperti membeli makanan dan barangan berdasarkan keperluan serta kemampuan bagi mengelakkan pembaziran.

Selain itu, mereka juga dinasihatkan agar tidak membeli makanan mengikut perasaan seperti mengelakkan membeli juadah berbuka puasa secara berlebihan.



Rekod SWCorp menunjukkan kira-kira 15,000 tan sisa makanan dibuang oleh rakyat Malaysia setiap hari.

Malah, orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak membawa wang yang banyak ketika membeli-belah bagi mengelakkan daripada membeli barang yang kurang diperlukan.

Mereka juga digalakkan untuk membuka puasa dan bersahur di rumah yang lebih menjimatkan daripada berbuka di luar seperti di restoran, hotel atau sebagainya.

Walaupun hotel atau restoran menyediakan tempat selesa dengan pilihan makanan yang banyak, orang ramai terpaksa membayar harga lebih mahal.

Orang ramai turut digalakkan mengamalkan amalan bertukar juadah dengan jiran tetangga serta banyak bersedekah bagi mengurangkan pembaziran.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Sampah berlonggok gara-gara gagal tubuh JMB

MERUJUK kepada aduan yang disiarkan akhbar Sinar Harian bertajuk 'Tiga minggu longgokan sampah tidak dikutip' di Jalan 18/28, Taman Seri Serdang, Selangor pada 20 April 2017.

Untuk makluman, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menjalankan siasatan berhubung aduan yang dikemukakan dan mendapati aduan yang dikemukakan adalah benar.

Ingin dimaklumkan bahawa MPSJ hanya membuat kutipan sampah domestik di lokasi tersebut dan ia telah dilakukan pada setiap hari.

Berhubung isu sampah longgok yang diadakan, ingin dijelaskan bahawa ia diuruskan oleh ejen pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB) melalui kontraktor yang dilantik oleh pemaju. Walau bagaimanapun, ia tidak diuruskan oleh mereka.

Justeru itu, MPSJ telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan secara 'one-off' di lokasi aduan bagi mengatasi perkara tersebut.

MPSJ juga telah meminta supaya pemaju dan ejen pengurusan menubuhkan JMB di pangsupuri berkenaan dengan segera bagi membantu menyelesaikan permasalahan di lokasi aduan.

Keratan akhbar Harian Metro yang melaporkan tindakan MPSJ membersihkan longgokan sampah di lokasi aduan.

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Keratan akhbar Sinar Harian bertarikh 20 April 2017.



Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan



Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru



Bazar Ramadan



TRIBUNAL PERUMAHAN & PENGURUSAN STRATA (TPPS)

MUDAH, MURAH & CEPAT

1



TPPS

STRUKTUR TPPS

- TPPS terbahagi kepada DUA (2) tribunal iaitu :
- Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)
 - Tribunal Pengurusan Strata (TPS).

2



FAEDAH
MEMFAILKAN

FAEDAH MEMFAILKAN TUNTUTAN DI TPPS

- Lebih pantas berbanding memfailkan tuntutan di mahkamah dengan melibatkan hanya SATU (1) borang tanpa peguam bela atau peguam cara.
- Kos pemfailan hanya RM10 bagi TTPS dan RM100 bagi TPS
- Penyelesaian tuntutan dalam tempoh 60 hari (jika bersesuaian).

3



TTPR

TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH (TTPR)

- Forum alternatif selesai pertikaian perumahan antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan berlesen.
- DUA (2) jenis tuntutan yang boleh difailkan iaitu Tuntutan Teknikal dan Tuntutan Bukan Teknikal.

4



TPS

TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA (TPS)

- Forum alternatif untuk menyelesaikan tuntutan antara pihak-pihak dalam pengurusan strata.
- Jumlah tuntutan tidak melebihi RM250,000

5



JENIS
TUNTUTAN

JENIS TUNTUTAN YANG BOLEH DIFAILKAN

- Tuntutan Teknikal : Tuntutan disebabkan kecacatan mutu kerja atau bahan-bahan yang tidak mengikut perjanjian jual beli
- Tuntutan Bukan Teknikal : Tuntutan bagi kelewatan penyerahan milikan kosong

PERMOHONAN PROJEK BANTUAN BAIK PULIH RUMAH DAIF DI BANDAR TAHUN 2017



NBOS
STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

PROJEK BANTUAN BAIK PULIH RUMAH DAIF DI BANDAR

OUTCOME

Rumah kediaman yang selesa dan selamat

Peningkatan kualiti hidup

Meningkatkan jumlah pemilik hartanah yang selesa, selamat & kondusif

www.kpkt.gov.my @kpkt_gov KPKT Malaysia

KPKT Malaysia kpkt

BILANGAN UNIT



Amri, Andik masih mencari keserasian

PENYERANG berpengalaman The Red Giants, Amri Yahyah dan gandingannya, Andik Vermansyah perlu mempertingkatkan keserasian mereka bagi memantapkan lagi jentera serangan pasukan itu dalam perlawanan-perlawanan akan datang.

Kedua-duanya diturunkan dalam pertembungan menentang Pahang di Stadium Majlis Perbandaran Selayang pada 24 Mei lalu namun mereka gagal menembusi gawang lawan.

Jurulatih Selangor, P. Maniam menjelaskan, Amri dan Andik telah memberikan yang terbaik dalam perlawanan tersebut.

"Isu yang kita perlu tangani bukan kepada strategi, kerana pemain sudah memahami segala aspek taktikal cuma Andik masih belum cergas sepenuhnya.

"Pada perlawanan lalu, Andik dan Amri bermain dengan bersungguh-sungguh namun kurangnya keserasian antara kedua-dua pemain tersebut menyebabkan serangan bertali arus yang kita lancarkan gagal menghasilkan ja-



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	13	9	3	1	29	11	30
Pahang	13	7	3	3	31	17	24
Kedah	13	6	6	1	27	18	24
Perak	13	4	6	3	18	22	18
SELANGOR	13	4	5	4	17	16	17
Felda	13	4	5	4	16	15	17
T-Team	13	5	4	4	19	21	16
Kelantan	13	6	2	5	26	21	14
PKNS	13	2	5	6	22	26	11
Sarawak	13	2	5	6	12	18	11
Melaka	13	2	5	6	13	28	11
P. Pinang	13	1	3	9	10	27	6

Setakat 1 Jun 2017

ringan gol," katanya.

Beliau berkata, dalam mana-mana pasukan bola sepak, faktor keserasian antara rakan sepasukan amat penting dan tidak boleh dipandang remeh.

Maniam menambah, kurangnya keserasian akan menyebabkan mereka tewas kepada pasukan yang dibarisi pemain-pemain muda tetapi memiliki faktor keserasian yang lebih mantap.

"Itu yang terjadi apabila kami tewas 0-2 kepada Pahang baru-baru ini. Mereka baru sahaja beraksi dalam perlawanan akhir Piala FA dan masih dalam mood memburu kemenangan.

"Walau apa pun, kita berharap Amri dan Andik mampu bergandingan dengan rakan sepasukan seterusnya mewujudkan keserasian dalam perlawanan akan datang," katanya.



Aksi pemain-pemain Selangor dan Pahang dalam perlawanan Liga Super di Stadium Majlis Perbandaran Selayang pada 24 Mei lalu.



Azizulhasni diberi penghormatan sebagai pelumba basikal negara yang pertama menguji trek Velodrom Nasional Malaysia.

Velodrom Nasional Malaysia bertaraf dunia

VELODROM Nasional di Nilai, Negeri Sembilan yang bakal digunakan dalam temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 serta Sukan Para ASEAN 2017 pada Ogos dan September ini disifatkan setanding dengan trek terbaik di dunia.

Raja keirin dunia, Azizulhasni Awang ketika menguji trek tersebut baru-baru ini menyifatkan Velodrom Nasional Malaysia yang bernilai hampir RM80 juta itu adalah antara velodrom terbaik di dunia.

"Trek sangat bagus dan lancar walaupun trek ini masih ada habuk kerana kita semua sedia maklum velodrom ini masih dalam pembinaan lagi.

"Secara keseluruhan, kita mempunyai trek terbaik di dunia, seperti trek di Hong Kong. Ujian di selekoh juga baik, kesemuanya memang terbaik," katanya selepas menguji trek di Velodrom Nasional Malaysia baru-baru ini.

Pelumba berusia 29 tahun itu diberi penghormatan oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin untuk menjadi pelumba basikal negara yang pertama menguji trek velodrom tersebut.

Velodrom yang dibina pada Januari 2015 dan dikendalikan Jabatan Kerja Raya (JKR) itu mempunyai trek sepanjang 250 meter diperbuat daripada kayu jenis 'spruce' dengan kapasiti 1,800 tempat duduk penonton serta dilengkapi kemudahan lain seperti ruang pejabat,



Velodrom Nasional Malaysia merupakan lokasi acara berbasikal trek Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN 2017.



surau serta 20 fasiliti untuk kegunaan orang kurang upaya (OKU).

Azizulhasni menambah, velodrom bertaraf dunia itu mampu memberikan

suntikan semangat kepada pelumba muda untuk lebih berdaya saing bukan sahaja di peringkat Asia Tenggara malah di peringkat dunia.

"Saya berharap sukan berbasikal trek akan lebih berkembang. Sebelum ini, tiada velodrom tertutup, sekarang sudah ada.

"Memang terbukti pelumba trek mempunyai prestasi cemerlang di peringkat dunia. Kalau Azizulhasni yang bertubuh kecil ini boleh menjadi juara dunia, saya percaya pelumba remaja yang ada sekarang ini juga mampu melakukannya," katanya.

Bumbung Rumah Pangsa Taman Keramat AU2 dibaiki

KPKT lulus
peruntukan
segera
RM3.6 juta

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan berjumlah RM3.6 juta untuk membaiki bumbung Rumah Pangsa Taman Keramat AU2 di Kuala Lumpur.

Kelulusan itu diumumkan Menteri, Tan Sri Noh Omar ketika beliau turun padang melawat kawasan berkenaan baru-baru ini.

Menurut beliau, masalah kerosakan bumbung sering menghantui penghuni Rumah Pangsa Taman Keramat setiap kali berlaku ribut.

"Rumah pangsa ini dibina lebih 40 tahun lalu dan ribut yang melanda setiap tahun sering merosakkan bumbungnya."

"Saya telah membuat pengiraan dan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.6 juta untuk membaiki semua bumbung yang ada di 18 blok Rumah Pangsa Taman Keramat AU2," katanya.

Yang turut hadir, Pegawai Kemajuan Negeri Selangor, Datuk Mohd. Rosli Ramli dan Ketua UMNO Bahagian Gombak, Abdul Rahim Kamarudin.

Noh juga meluangkan masa berbuka puasa dengan penduduk di rumah pangsa berkenaan serta mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai yang mengunjungi Bazar Ramadhan Taman Keramat AU5C.

Sementara itu, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Rumah Pangsa Taman Keramat AU2, Mohamad Halim Mohamad Said bersyukur dengan kelulusan segera yang diumumkan oleh Noh tersebut.

Malah, beliau menganggap mimpi ngeri yang dihadapi penduduk rumah



KPKT akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM3.6 juta untuk membaiki bumbung Rumah Pangsa Taman Keramat AU2.



»Sebelum ini, penduduk terpaksa menganjurkan kutipan bagi mengumpul dana bagi menampung kos membaiki bumbung yang dianggarkan berjumlah antara RM18,000 ke RM25,000."

Mohamad Halim Mohamad Said
Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT)
Rumah Pangsa Taman Keramat AU2

pangsa berkenaan setiap kali angin bertip kencang akan berakhir apabila projek membaiki bumbung selesai kelak.

"Setiap kali berlaku hujan lebat atau angin kencang, habis bumbung di rumah pangsa ini berterbangan," jelasnya.

Mohamad Halim memberitahu, sebelum ini, penduduk terpaksa menganjurkan kutipan bagi mengumpul dana bagi menampung kos membaiki bumbung

yang dianggarkan berjumlah antara RM18,000 ke RM25,000.

"Lazimnya, bumbung perlu dibaiki tiga atau empat kali setahun kerana banyak struktur yang tidak kukuh dan mudah tercabut apabila ribut melanda," katanya.

Beliau percaya masalah yang dihadapi mereka tidak akan berulang lagi setelah bumbung siap dibaiki menerusi peruntukan yang disalurkan oleh KPKT.

Tan Sri Noh Omar beramah mesra dengan penduduk Rumah Pangsa Taman Keramat AU2, Kuala Lumpur semasa beliau turun padang melawat kawasan perumahan berkenaan baru-baru ini.



APA KATA PENDUDUK?

"PROJEK Taman Herba turut mendapat pujian daripada Perdana Menteri, Datuk Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di mana..."

SAPIAH DARANI, Penduduk PPR Raya Permai **muka 11**



15,000 tan
sisa makanan
dibuang setiap
hari **muka 11**



Sampah
berlonggok
gara-gara
gagal tubuh
JMB **muka 12**



Velodrom
Nasional
Malaysia
bertaraf dunia
muka 14

Buletin

Bandar



NEGARAKU

29 MEI - 4 JUN 2017 • 3 - 9 RAMADAN 1438



RM3.6 juta baiki bumbung

"Saya telah membuat pengiraan dan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.6 juta untuk membaiki semua bumbung yang ada di 18 blok Rumah Pangsa Taman Keramat AU2."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15

Penduduk
hargai
keprihatinan
KPKT